



Minggu Suai Mesra SST 2012

Artikel oleh: Norasiah Najal

Minggu Suai Mesra bagi pelajar baru SST telah diadakan pada 5 September 2012. Program ini merupakan aktiviti tahunan sekolah bagi mengalaukan kedatangan paramahasiswa dan mahasiswa baru SST. Pada tahun ini, SST menerima pendaftaran pelajar seramai 640 orang berbanding 597 pelajar pada tahun sebelumnya. Jumlah tersebut merangkumi 87 pelajar program Matematik dan Ekonomi yang mencatat pendaftaran pelajar baru teramai pada tahun ini, diikuti 82 pelajar program Biologi Pemuliharaan, 77

pelajar program Kimia Industri, 73 pelajar program Sains Sekitaran , 66 pelajar program Geologi, 62 pelajar progam Fizik dan Elektronik, 57 pelajar program Matematik dan Komputer Grafik, 55 pelajar program Bioteknologi, 44 pelajar program Sains Marin dan 37 pelajar program Akuakultur. Program tersebut telah diadakan dengan jayanya dengan disertai oleh ahli akademik serta kakitangan pentadbiran dan sokongan SST. Tahniah diucapkan kepada mahasiswa dan mahasiswa baru SST 2012.